

**Penganjur, Peserta Perhimpunan Mesti Patuhi Syarat Polis - Ahmad Zahid Bernama**  
**7 Januari , 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Penganjur dan peserta perhimpunan Isnin ini diminta mematuhi syarat ditetapkan polis serta tidak mengambil kesempatan mengadakan perarakan yang boleh menggugat keselamatan negara.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata kelulusan yang diberikan polis agar perhimpunan itu diadakan di tempat letak kereta Kompleks Mahkamah Jalan Duta pada hari berkenaan merupakan langkah bersifat keterbukaan.

"Pihak polis membenarkan perhimpunan itu selepas pemimpin pembangkang memberi jaminan bahawa ia adalah perhimpunan aman dan bukannya perarakan haram," katanya dalam satu kenyataan.

Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Azmin Ali pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur pada Jumaat, selepas perbincangan dengan Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Mohamad Salleh, memberi jaminan perhimpunan itu akan berjalan secara aman dan teratur.

Sehubungan itu, Ahmad Zahid yang juga Naib Presiden Umno, berkata Azmin sebagai pemimpin tertinggi PKR mesti mengotakan janjinya dengan memastikan semua peserta perhimpunan tersebut tidak mencetuskan keadaan huru-hara kelak.

Ahmad Zahid yakin polis akan mengawal keadaan secara professional jika peserta perhimpunan memberi kerjasama dengan mematuhi syarat yang ditetapkan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638584>